

AKTA EKSAIS 1976

PERINTAH DUTI EKSAIS (PINDAAN) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 6(1) Akta Eksais 1976 [Akta 176], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2009**.
- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2009.

Pindaan Jadual

2. Perintah Duti Eksais 2004 [P.U. (A)5/2004], adalah dipinda dalam Jadual dalam ruang (4) –

- (a) berhubung dengan subkepala –

2402.10 000	2402.90 100
-------------	-------------

dengan menggantikan perkataan “RM180.00 and 20%” dengan perkataan “RM190.00 and 20%”; dan

- (b) berhubung dengan subkepala –

2402.20 900	2402.90 200
-------------	-------------

dengan menggantikan perkataan “RM0.18 and 20%” dengan perkataan “RM0.19 and 20%”.

Dibuat 30 September 2009

[2 Sulit KE. HT(96)669/19-8 SK.50;Perb.TS 379(SK.1);PN (PU2) 337/XVI]

DATO' SERI AHMAD HUSNI HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 6(2) Akta Eksais 1976]